

Pelaburan Malaysia RM17.6b

UM - 3/7/2007

KUALA LUMPUR 2 Julai - Pelaburan Malaysia di Negara Selatan-Selatan berjumlah AS\$4.8 bilion (RM17.6 bilion) pada tahun lepas berikutan usaha kerajaan menggalakkan lebih banyak firma tempatan melabur di negara membangun, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Melalui kerjasama Selatan-Selatan, negara membangun boleh meningkatkan ekonomi masing-masing dalam tempoh jangka panjang dengan melabur secara bersama dalam sektor infrastruktur dan pengilangan, katanya dalam teks ucaptamanya di program penyesuaian bagi kakitangan agensi promosi pelaburan negara Selatan-Selatan.

Teks iucapannya dibacakan oleh Ketua

Pengarah Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Datuk R. Kurunakaran di sini, hari ini.

Kira-kira 30 peserta antarabangsa dari 16 negara menghadiri program itu.

Pelaburan itu juga menunjukkan dasar "memakmurkan jiran" Malaysia di negara-negara membangun terbabit dalam bidang perdagangan dan pelaburan yang boleh menghasilkan manfaat kepada kedua-dua pihak.

Ini jelas dapat dilihat baru-baru ini apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Sudan, Namibia dan Kenya, satu langkah yang terus mengukuhkan hubungan Selatan-Selatan ke satu paras yang lebih tinggi.

Malaysia juga menjadi tuan rumah Dialog

Antarabangsa Langkawi (LID) Global kella-pan dari 6 hingga 8 Ogos untuk memupuk perkongsian bijak yang dijangka melebarkan lagi ruang bagi ditingkatkan kerjasama dengan negara Selatan-Selatan.

"Peningkatan globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan pelaburan menjadikannya lebih penting lagi bagi negara Selatan-Selatan untuk bekerjasama dan mengembangkan hubungan perdagangan pelaburan," kata Rafidah.

Katanya, Malaysia juga telah mewujudkan hubungan rapat dan kerjasama dengan banyak negara Selatan-Selatan dalam bidang pengilangan, perkhidmatan, perbankan dan kewangan, pemasaran komoditi, pertukaran maklumat, kerjasama teknikal dan perdagangan.

Katanya, kerajaan menawarkan banyak insentif kepada firma-firma untuk melabur di seberang laut, khususnya di negara Selatan-Selatan, yang termasuk perbelanjaan permulaan yang dikecualikan cukai.

Kerajaan juga telah memuktamadkan Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) dengan banyak negara membangun untuk menggalakkan dan memupuk aliran pelaburan antara Malaysia dan negara-negara berkenaan.

Sehingga ini, sebanyak 56 IGA telah ditandatangani dengan negara Selatan-Selatan.

Rafidah berkata pelaburan keseluruhan Malaysia di seberang laut telah meningkat kepada AS\$5.9 bilion (RM21.5 bilion) dalam 2006 daripada AS\$3 bilion (RM11.3 bilion) dalam 2005.